



# SIARAN MEDIA

## KPKT IKTIRAF PERANAN DAN SOKONGAN MEDIA MELALUI ANUGERAH KEWARTAWANAN MEDIA KPKT 2023

---

**KUALA LUMPUR, 12 Januari 2023** – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengiktiraf sokongan media melalui pengumuman Anugerah Kewartawanan KPKT 2023 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre hari ini. Seramai 50 orang pengamal media diraikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming (KM), Menteri KPKT dalam majlis yang turut dihadiri oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri KPKT, YBhg. Datuk M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha KPKT serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan, Agensi di bawah KPKT.

YB Tuan Nga Kor Ming (KM), Menteri KPKT berkata, “Anugerah ini merupakan komitmen KPKT dalam menzahirkan penghargaan kepada golongan wartawan yang memberikan penyampaian maklumat yang sahih, berkualiti dalam menyampaikan dasar-dasar kerajaan. Ini kerana hasil karya berkualiti berupaya menghasilkan impak yang besar kepada pembangunan negara dalam membina ekonomi, perpaduan, keharmonian dan kestabilan politik negara.”

Penganjuran pertandingan yang akan bermula pada bulan Mac ini memfokuskan kepada hasil karya yang mengetengahkan agenda utama KPKT meliputi pemeraksanaan Pihak Berkuasa Tempatan, perancangan perumahan yang lebih komprehensif, pemeraksanaan komuniti berbilang kaum, pengurusan sisa pepejal bersepadu yang lebih efisien, memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar serta pemeraksanaan perkhidmatan kebombaan. Oleh itu, melalui penjurian secara profesional, karya terbaik akan diiktiraf dan dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Kewartawanan KPKT 2023 melalui pelbagai kategori yang akan dipertandingkan pada akhir November ini.

YB KM selaku peneraju KPKT berharap anugerah ini mampu menjadi pencetus semangat untuk rakan media terus berkarya dalam membawa pelbagai isu dan cabaran dunia kewartawanan pada masa akan datang. Dalam majlis sama, YB KM turut berkongsi dengan pengamal media tentang halatuju dan komitmen KPKT seiring dengan tiga slogan

(tagline) baharu Kementerian iaitu **#StrongerTogether**, **#UnityInDiversity** dan **#DemiPertiwi**. Dalam majlis sama, YBKM turut menerangkan konsep pendekatan pentadbiran KPKT yang dirangkumkan sebagai 'ABCD' iaitu:

- A: Amanah, Adil dan Arif;
- B: Bersih dan Bela;
- C: Cekap, Cergas dan Cepat; dan
- D: Disiplin.

Melalui gabungan budaya kerja dan pendekatan Kementerian melalui konsep 'ABCD', KPKT akan terus berdaya saing untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik demi kesejahteraan negara dan rakyat.

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

